

Glow Acne Serum

Norma Wan Ishak^{1,*}, Nik Hanis Hani Rahimi², Tuan Syamimi Tuan Hassan³, Nur Rusydina Mohamad⁴, Noor Mardhiyyah Elya Mansor⁵, Nur Hasrisya Mohd Zalmiri Azhar⁶, and Wan Nur Awana Husna Wan Hamzah⁷

¹ Cosmetology Programme, Vocational College Bachok; bee.hasya@gmail.com

² Cosmetology Programme, Vocational College Bachok; nikhanishani@gmail.com

³ Cosmetology Programme, Vocational College Bachok; Tuansyamimi75@gmail.com

⁴ Cosmetology Programme, Vocational College Bachok; Nurrusydinahere@gmail.com

⁵ Cosmetology Programme, Vocational College Bachok; NoorMardhiyyah@gmail.com

⁶ Cosmetology Programme, Vocational College Bachok; nurhasrisya060103@gmail.com

⁷ Cosmetology Programme, Vocational College Bachok; nanaamzah11@icloud.com

* bee.hasya@gmail.com; +0129563173

Abstrak: Masalah kulit muka berjerawat dalam kalangan remaja semakin bertambah apabila ada segelintir masyarakat memandang remeh terhadap masalah kulit berjerawat. Masalah jerawat berlaku apabila terdapat pori-pori yang terbuka dan kulit yang berminyak serta penjagaan kulit wajah yang diabaikan. Glow Acne Serum diinovasikan untuk menyelesaikan masalah tersebut, menggunakan bahan semulajadi dan bebas bahan kimia yang mungkin memudaratkan masalah kulit. Glow Acne Serum diformulasikan menggunakan minyak kelapa dara @ minyak zaitun, pati minyak tea tree, pati minyak rosemary, pati minyak lemon, air mawar dan ekstrak aloe vera gel. Glow Acne Serum dihasilkan memandangkan ramai remaja tidak memakai serum muka sebagai rutin penjagaan kulit muka, memakai serum yang tidak bersesuaian dengan jenis kulit muka serta kebanyakan remaja tidak mengamalkan penggunaan serum dengan cara yang betul serta amalan gaya hidup juga mempengaruhi kesihatan kulit muka. Keberkesanan serum yang dihasilkan dalam menyelesaikan masalah jerawat dapat meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan bahan semulajadi yang selamat bagi mengatasi masalah jerawat kulit muka dengan kos yang lebih murah dan lebih mesra alam.

Kata Kunci: beauty; acne; natural



Copyright: © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Serum merupakan produk yang penting dalam penjagaan dan perawatan kulit muka berjerawat. Cairan serum mengandungi banyak manfaat untuk menyuburkan dan membekalkan nutrien kepada kulit muka. Serum wajah tidak mengandungi bahan pelembap oklusif kedap udara. Glow Acne Serum mengandungi pelincir dan pemekat iaitu minyak kelapa dara, minyak zaitun dan minyak jagung di samping pati minyak tea tree, rosemary dan lemon yang menghasilkan tekstur nipis agar dapat diserap dengan lebih cepat dan mendalam dalam merawat masalah jerawat kulit muka.

Ekstrak pati minyak tea tree mengandungi disinfektan yang dapat membersihkan dan membuka kelenjar minyak atau pori kulit muka yang tersumbat. Ia dapat mengurangkan masalah jerawat tanpa kesan sampingan seperti kemerahan, kering atau mengelupas. Minyak kelapa dara mengandungi

vitamin A, D, E dan K yang bermanfaat untuk kulit di samping melembapkan. Ekstrak lemon akan mencerahkan kulit kerana mengandungi vitamin C dan bersifat antiseptik. Ekstrak rosemary pula bersifat astringen dan antioksidan yang sangat berkesan untuk merawat kulit berjerawat.

2. KAEDAH & BAHAN

Glow Acne Serum dihasilkan dengan mencampurkan bahan semulajadi, iaitu minyak kelapa dara, minyak zaitun, minyak jagung, pati minyak tea tree, pati minyak lemon, pati minyak rosemary, air mawar dan ekstrak aloe vera gel. Campuran bahan dikacau sehingga sebati.



Rajah 1. Produk Glow Acne Serum

3. PENEMUAN

Berdasarkan dapatan kajian terhadap penghasilan dan keberkesanan Glow Acne Serum, 33.3% responden mempunyai masalah kulit muka berminyak dan berjerawat dan 13.3% mempunyai pori-pori terbuka sebanyak. 60% responden mengetahui kepentingan penggunaan serum untuk merawat masalah kulit muka berjerawat. 86.6% responden mendapati kulit terasa lebih sihat setelah menggunakan Glow Acne Serum, serum berasaskan bahan semulajadi dalam rutin harian mereka. 36.7% responden tidak menyedari langkah pemakaian serum yang betul, iaitu selepas menyapu toner dan sebelum pelembap, dengan cara menepuk-nepuk pada kulit wajah sehingga dapat diserap sepenuhnya oleh kulit.

Penghasilan Glow Acne Serum ini dapat memberi kesedaran kepada golongan remaja tentang kepentingan menggunakan serum yang berasaskan bahan semulajadi yang dihasilkan secara homemade yang bebas bahan kimia. Walaupun kesannya mengambil sedikit masa untuk pemulihan. Selain berkesan secara alami, Glow Acne Serum boleh didapati dengan harga yang lebih murah kerana ia dihasilkan secara *homemade*.

4. PERBINCANGAN

Penghasilan Glow Ane Serum berkait rapat dengan kajian tahap keberkesanan serum berasaskan bahan semulajadi terhadap kulit muka berjerawat dalam kalangan remaja. Kebanyakan remaja mengabaikan pemakaian serum muka dalam rutin penjagaan kuit harian, memakai serum muka yang tidak bersesuaian dengan kulit muka. Tambahan pula, mereka tidak mengetahui cara penggunaan serum yang betul di samping amalan gaya hidup yang turut mempengaruhi kesihatan kulit muka.

Glow Acne Serum mengandungi bahan-bahan organik yang sangat sesuai dan selamat untuk remaja. Minyak kelapa dara, minyak zaitun, minyak jagung, ekstrak tea tree, rosemary dan lemon sangat berkesan dalam merawat jerawat dan membuka pori-pori yang tersumbat di samping mencerahkan kulit.

Kajian penghasilan Glow Acne Serum ini banyak memberi pendedahan tentang kebaikan dan kelebihan bahan organik dalam merawat masalah kulit muka berjerawat serta dapat melembutkan kulit. Menarik minat ramai remaja menggunakan serum muka yang dihasilkan secara *homemade* tanpa bahan kimia.

5. KESIMPULAN

Glow Acne Serum merupakan serum yang terbaik untuk remaja bagi merawat masalah kulit muka berjerawat. Serum ini diinovasikan menggunakan bahan organik yang mudah didapati dengan kos yang lebih murah dan bebas bahan kimia.

Penghargaan: Thank you to all the lecturers of the cosmetology programme for their help, support and guidance in the implementation of this project.

Rujukan

Asyikin Md Isa, and Joseph Tan. (2022). *Nak hilangkan parut jerawat? Pastikan serum anda ada bahan ini, barulah licin muka!* Retrieved from: <https://hellodoktor.com/sihat-bergaya/jerawat/serum-untuk-hilangkan-parut-jerawat/>

Athirah Che Jaafar. (2023). *11 serum terbaik untuk kulit berminyak di Malaysia 2023*. Retrieved from: <https://productnation.co/my-bm/7384/serum-terbaik-kulit-berminyak-malaysia/>

Cosderm. (n.d.). *7 serum terbaik untuk jerawat*. Retrieved from: <https://cosderm.com.my/serum-terbaik-untuk-jerawat/>

Takeo Mitsui. (1997). *New cosmetic science is a completely updated comprehensive review of its 35 year old counterpart cosmetic science*.